

## RENCANA

## TAJAJAN RAMADAN

# Peniaga OTH sumbang sajian kepada keluarga memerlukan

► SHAHIDA SARHID  
shahida@sph.com.sg

MENYUMBANG kembali kepada masyarakat memang sesuatu yang sudah mendaras daging dalam jati diri pemilik Deli Maslina, Cik Adibah Ahmad Don.

Memerutnya sejak kedai menjual kuih itu bermula sekitar 35 tahun yang lalu oleh ibu bapanya - Encik Ahmad Mohd Don dan Cik Maskiah Shariff - syarikat tersebut telah pun mula menyumbang kembali kepada masyarakat dengan menaja kuih-muih kepada mereka yang kurang berkemampuan.

"Apabila orang datang kepada kita untuk meminta tajaan bagi membantu mereka yang memerlukan, selalunya kita akan bersetuju dan mengambil bahagian.

"Inilah cara kita menyumbang kembali kepada masyarakat," ujar usahawan berusia 36 tahun itu.

Beliau merupakan generasi kedua yang mengendalikan syarikat tersebut yang memang terkenal kerana menjual kuih-muih tradisional seperti kuih bakar, nagasari, kuih jongkong, kuih koci dan pateri salak.

Justeru apabila pihak pengurusan Our Tampines Hub (OTH) bertanyakan sama ada mereka mahu mengambil bahagian dalam inisiatif 'Pay It Forward', Cik Adibah tidak berfikir dua kali dan terus bersetuju.

Inisiatif tersebut yang diperkenalkan buat pertama kali oleh OTH bertujuan untuk membantu 300 keluarga memerlukan yang tinggal di GRC Tampines sepanjang bulan Ramadan ini.

Menjelakan mengapa OTH memilih untuk memperkembangkan inisiatif ini, Pengurus Kanan (Komunikasi dan Pemasaran) OTH, Cik Nur Ayslin Ismail, berkata.

"Bulan Ramadan ini merupakan bulan yang sesuai untuk kita berfikir sejantik terhadap mereka yang memerlukan dalam masyarakat.

"Mereka mungkin sebelum ini tidak berupaya untuk menikmati segala sajian makanan dan minuman yang terdapat di OTH.

"Justeru inilah masa kita untuk memberikan peluang itu kepada mereka agar mereka juga sama-sama dapat menikmati apa yang ditawarkan di hub ini," katanya.

Di antara 13 April dengan 10 Mei, lebih 1,160 paket makanan akan didermakan oleh 11 penyewa makanan dan minuman OTH sebagai menyokong projek terbaru ini.

Selain Deli Maslina, antara penyewa lain yang turut mengambil bahagian termasuk Crave, Saap Saap Thai, Rumah Minang, Subway, Wok Hey, Express by Papparich, Tenderfresh, Al Barakah, Qiji, dan Curry & Spize.

Para penerima akan menerima surat yang boleh mereka mendapatkan kupon di kaunter khidmat pelanggan dekat OTH.

Kupon tersebut boleh digunakan di sebarang 11 kedai makanan dan minuman untuk mendapatkan makanan pilihan mereka.

Deli Maslina misalnya akan memberikan dua jenis botol kuih iaitu kuih 'cornflakes' dan biskut kacang.

Restoran Express by Papparich pula akan memberikan sajian makanan

## SEKITAR RAMADAN



**PENCUCI MULUT:** Cik Adibah Ahmad Don dengan dua jenis botol kuih iaitu kuih 'cornflakes' dan biskut kacang yang ditaja kepada mereka yang kurang berkemampuan. - Foto-foto BH oleh LIM YAHLI

signature mereka, nasi lemak dengan peha ayam.

Menurut Ketua Eksekutif (Rantau Asia), Encik Sebastian Low, 42 tahun, syarikatnya tidak mengira latar belakang, bangsa atau agama dalam memberi sumbangan kepada masyarakat.

"Kehidupan di Singapura yang berbilang bangsa dan agama secara tidak langsung membuat kami mahu menyumbang kepada sesama sahaja.

"Semasa Ramadan tahun lalu juga, kami telah menyumbang makanan kepada para kakitangan hospital yang berada di barisan hadapan menentang pandemik Covid-19," ujarnya.

Express by Papparich yang baru sahaja membuka cawangan tersebut di OTH sekitar enam bulan lalu berkata mereka mengalu-alukan usaha pengagiar dalam membolehkan syarikat seperti ini menyumbang kepada mereka yang memerlukan di kawasan Tampines.

"Kami tidak mengharapkan apa-apa sebagai balasan. Hanya kami berharap usaha ini akan membantu golongan penerima terutamanya semasa bulan Ramadan ini dan memberi sinar kegemilangan kepada mereka," kata Encik Low lagi.



**KUNA KUPON:** Di Restoran Express by Papparich, kupon yang diberi kepada penerima tujuan boleh ditukar dengan sajian makanan 'signature' mereka, nasi lemak dengan peha ayam yang diturukkan oleh Ketua Eksekutif (Rantau Asia), Encik Sebastian Low.



Get noticed  
more widely.

Call 6289 8822 or e-mail  
notices@sph.com.sg  
to book your AGM & EGM,  
Auction & Tender,  
Financial Statement, IPO,  
Merger & Acquisition or  
Move to Mainboard notices.

NOTICES

IKUTI LIPUTAN

SEKITAR  
RAMADAN



BH.SG  
FACEBOOK & INSTAGRAM  
BERITA HARIAN SINGAPURA

## NOSTALGIA



Kenangan Ramadan  
di Kampong Glam

SEORANG wanita berbulu-bulau dengan seorang pekedai di Beach Road, di kawasan Kampong Glam semasa Ramadan, dalam gambar yang tidak bertarikh ini.

Tradisi membeli-belah di Kampong Glam, untuk membeli juadah, pakaian dan perhiasan rumah masih diteruskan sehingga masa ini.

Sepanjang Ramadan ini, *Berita Harian* akan menerbitkan gambar-gambar yang memberi kita peluang mengimbas cara warga Singapura menyambut bulan puasa dan Hari Raya pada satu masa dahulu.

Kiriman gambar anda kepada bhnews@sph.com.sg dengan tajuk 'Nostalgia Ramadan 2021' jika anda ingin gambar anda dipaparkan dalam ruangan ini.

Sertakan sekali rumusan ringkas mengenai gambar itu dan kami akan menghubungi anda jika perlukan butiran lebih lanjut.